

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED
NOH [LEDANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan terkini mengenai usaha rentas Kementerian-Kementerian berkenaan usaha mengatasi pengangguran dalam kalangan belia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan telah merancang beberapa inisiatif dalam mengatasi pengangguran dalam kalangan belia dengan melaksanakan usaha rentas Kementerian-kementerian dan agensi. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) **Kerjasama Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia, Malaysia Digital Economy Corporation dan Majlis Belia Malaysia (KBS-KKMM-MBM)**

Kerjasama terjalin di bawah program myGIG. **Program myGIG** bertujuan meningkatkan keterlibatan belia untuk bekerja dalam ekonomi gig bagi menjana pendapatan sama ada secara sambilan atau kekal sekali gus membantu belia yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Terdapat dua (2) program utama di bawah kluster program myGIG iaitu **myGIG Servis** dan **myGIG Digital Freelance**. Kedua-dua program ini dijangka akan

memberi manfaat kepada 2,000 orang golongan belia berumur 18-40 tahun pada tahun 2020.

- a) **myGIG Servis** menyediakan peluang kepada belia untuk menjana pendapatan dengan menawarkan perkhidmatan di platform-platform atas talian seperti *FoodPanda, Grab, Lalamove* dan sebagainya. myGIG Servis dijalankan dengan kerjasama MDEC menggunakan platform sedia ada eRezeki. Sehingga 30 November 2020, **seramai 1,250 orang** telah berdaftar dan menyertai program ini.

- b) **myGIG Digital Freelance** menyediakan peluang kepada belia yang memiliki beberapa kemahiran tertentu yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 untuk mendapat kerja atas talian seperti *copywriting, data entry, recruiting, content writer, web designing* dan sebagainya. myGIG *Digital Freelance* dijalankan dengan kerjasama MDEC menggunakan platform sedia ada GLOW. Peserta yang menyertai program ini akan diberikan latihan selama dua hari dan kemudiannya peserta akan mula melakukan *project bidding* di Upwork.com & Freelancer.com dengan bimbingan *trainer* dari MDEC. Sehingga 30 November 2020, **seramai 1,051 orang peserta** telah berdaftar dan menyertai program ini.

(ii) **Kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya (KBS-KSM-KKR)**

Program Skim Perantisan Nasional merupakan program tawaran baharu Kolaborasi Rentas Kementerian bagi memberi pengalaman bekerja melalui jaminan pekerjaan oleh syarikat/organisasi yang terlibat dan membantu melonjakkan kebolehpasaran belia pasca COVID-19. Program ini bermula pada bulan Ogos 2020 dan tempoh penempatan sebagai perantis adalah selama enam bulan.

NO. SOALAN : 450

Antara kerjasama KBS adalah dengan Kementerian Sumber Manusia di bawah inisiatif PENJANA bagi melaksanakan program Skim Perantisan Nasional (SPN) untuk belia mendapatkan pengalaman bekerja di sektor swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti berikut :

- a. Kerjasama dengan pihak HRDF adalah:
 - i. Untuk melaksanakan SPN dengan konsep *Place and Train* atau *bootcamp* melalui pembiayaan dana di dalam *Human Resource Development Fund* (HRDF). Melalui inisiatif PENJANA, majikan yang terlibat membantu menjayakan SPN akan mendapat RM600 sebulan sebagai subsidi bagi menampung bayaran elaun kepada perantis.
 - ii. Untuk HRDF berkongsi maklumat berkaitan peluang latihan dan penempatan yang ditawarkan oleh majikan bagi penyertaan belia di pautan eBelia. KBS akan membuat hebahan inisiatif-inisiatif berkaitan kepada belia dan menyelaraskan penyertaan.
 - iii. Untuk HRDF menganggotai Jawatankuasa Pelaksana Skim Perantisan Nasional peringkat Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN). Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan SPN secara menyeluruh.
- b. Kerjasama dengan pihak PERKESO adalah:
 - i. Untuk PERKESO berkongsi maklumat berkaitan penawaran dan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan bagi penyertaan belia di pautan eBelia. KBS akan membuat hebahan inisiatif-inisiatif berkaitan kepada belia dan menyelaraskan penyertaan.

- ii. Untuk PERKESO menerima syarikat yang mengambil peserta program SPN bagi mendapat manfaat insentif kewangan melalui subsidi upah yang boleh dituntut oleh syarikat sebagaimana dinyatakan di bawah PENJANA iaitu:
- a. Insentif di bawah program Perantisan bagi majikan yang menggaji pekerja berumur di bawah 40 tahun untuk tempoh enam (6) bulan ke atas sebanyak RM600 sebulan bagi tempoh enam bulan pertama bagi setiap pekerja yang diambil sebagai perantis;
 - b. Insentif di bawah program *Hire Malaysia* bagi menggaji belia yang dibuang kerja berumur di bawah 40 tahun untuk tempoh 12 bulan ke atas sebanyak RM800 sebulan selama 6 bulan bagi setiap pekerja;
 - c. Insentif elaun latihan sehingga RM4,000 boleh dituntut oleh syarikat dan individu daripada PERKESO bagi menyediakan latihan kepada belia yang hilang pekerjaan, walaupun bukan pencarum di bawah Skim Insurans Pekerjaan.

2. KBS juga akan menerajui pembangunan *Single Landing Page (one-stop center)* yang dinamakan Sistem MyBelia. Sistem ini menyediakan maklumat bersepadu (*integrated system*) berkaitan inisiatif-inisiatif yang telah disediakan oleh Kerajaan dan bukan Kerajaan untuk dimanfaatkan oleh belia merangkumi: peluang pekerjaan; penciptaan pekerjaan; latihan dan kemahiran; serta dana dan kemudahan yang ditawarkan/dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan atau bukan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.